



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	3/12/2019
JABATAN	:	JPS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Kereta jadi kapal selam



KEADAMAN sebahagian kereta yang ditenggelami banjir berikutan hujan lebat lebih kurang dua jam di kawasan parkir sebuah pusat beli-belah di Ayer Keroh, semalam.

Melaka: "Ini memang bencana alam dan tidak dapat dielakkan, tetapi sepatutnya pihak berkaitan sudah buat pengumuman. Bukan kejadian disedari selepas kereta sudah ditenggelami air."

Begitu kata salah seorang pemilik yang mahu dikenali sebagai Alexia, 35, selepas keretanya ditenggelami air di sebuah pusat beli-belah di Ayer Keroh, di sini, kelmarin.

Menurutnya yang menatap di Pulau Pinang, dia datang ke Melaka atas urusan kerja di pusat beli-belah itu, dan tidak menyangka kejadian sebegini yang berlaku.

"Memang terkejut apabila melihat kereta ditenggelami air kerana hari sebelumnya tiada apa yang berlaku."

"Semalam (kelmarin) selepas habis kerja, saya turun ke bawah dan lihat macam pulau."

"Apa yang menyedihkan komputer riba di dalam kereta turut rosak dimasuki air," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tinjauan Harian Metro di bahagian belakang pusat beli-belah terbabit mendapati kerja-kerja pembersihan longkang sedang giat di-



Saya datang ke Melaka atas urusan kerja di pusat beli-belah itu tidak menyangka kejadian sebegini yang berlaku"

Alexia

lankan.

Malah, kerja-kerja menunda kereta yang ditenggelami air turut dilakukan.

Seorang lagi pemilik kereta Nur Heleyana Badrul Hisam, 31, berkata dia hanya mengetahui Perodua Myvi miliknya ditenggelami air kira-kira jam 6.30 petang.

Katanya, sudah menjadi kebiasaan pekerjaan meleterakan kenderaan mereka di bahagian belakang dan banjir klat yang berlaku kelmarin adalah kejadian kedua selepas 2018 lalu.

"Kami duduk di dalam (pusat beli-belah) mana sedar hujan lebat. Kalau diberitahu awal air naik, dapatlah saya dan beberapa rakan bergas keluar alihkan kereta."



KENDERAAN yang terkandas mengalami kerosakan dan terpaksa ditunda ke bengkel.



"Kita-kira jam 12.30 tengah malam tadi (semalam) pun air masin lagi di paras pintu dan terpaksa (kereta) ditinggalkan di sini sehingga pagi ini (semalam)," katanya.

Portal berita Harian Metro semalam melaporkan hujan lebat lebih dua jam di sekitar Melaka Tengah sejak 5.30 petang mengakibatkan lima berapa laluan utama ditanda banjir klat.

Lebih 20 kenderaan yang diletakkan di bahagian belakang pusat beli-belah berkenaan terkandas kerana ada ditenggelami air.



PEMILIK kenderaan memindahkan kereta yang terkandas.